

DBKL banteras aktiviti 'cop parkir'

- Sejumlah barang di kawasan tempat letak kereta disita
- Cuba buat halangan di petak parkir

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita pelbagai barang termasuk kon, tayar terpakai dan tong cat yang digunakan untuk 'cop parkir' di sekitar kawasan Jinjang Utara, Kepong dekat sini kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, sitaan tersebut dilakukan Jabatan Penguatkuasaan DBKL bersama Pejabat Cawangan Batu melalui tindakan khas ke atas halangan petak parkir di kawasan berkenaan.

"Kon, tayar terpakai, tong cat dan pelbagai lagi barang yang

dijadikan halangan pada petak parkir tersebut (cop parkir) telah dikenakan tindakan sita serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua barangan dikenakan sita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi," kata kenyataan itu semalam.

DBKL berkata, tindakan dan pemantauan terhadap perbuatan 'cop parkir' akan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

Kata DBKL, orang ramai yang ingin membuat aduan boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>



DBKL menyita pelbagai barang yang digunakan untuk 'cop parkir' di Jinjang Utara, Kepong kelmarin.